

PERATURAN PERTANDINGAN SQUASY

1. AM

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Squasy _____

2. PENGANJUR / PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan dan dikelolakan oleh _____

3. PENDAFTARAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua pegawai/anggota/kakitangan yang bertugas di bawah Jabatan Penjara Malaysia
- 3.2 Setiap pasukan dikehendaki mendaftar minima seramai lima (5) orang pemain iaitu tiga (3) lelaki dan dua (2) wanita menggunakan **Borang** yang disediakan. Tambahan dua (2) pemain simpanan iaitu satu (1) lelaki dan satu (1) wanita adalah dibenarkan.
- 3.3 Pemain yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik. Semua perlawanan sebelumnya yang disertai oleh pasukan tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan.

4. PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

- 4.1 Semua perlawanan melibatkan acara perseorangan sahaja.
- 4.2 Susunan pemain adalah seperti berikut:
 - i. Perseorangan Lelaki I
 - ii. Perseorangan Lelaki II
 - iii. Perseorangan Lelaki III
 - iv. Perseorangan Wanita I
 - v. Perseorangan Wanita II
- 4.3 Sekiranya terdapat penyertaan enam (6) pasukan atau lebih, pertandingan akan dibuat secara kumpulan (Kumpulan A dan Kumpulan B). Jika penyertaan kurang daripada enam (6) pasukan, pertandingan akan dijalankan secara liga satu pusingan sahaja.
- 4.4 Setiap pemain hanya dibenarkan sekali sahaja disetiap perlawanan.
- 4.5 Sekiranya pertandingan dijalankan secara kumpulan, Johan dan Naib Johan setiap kumpulan akan bermain di peringkat separuh akhir dimana Johan dan Naib Johan kumpulan akan bertemu dengan lawan di kumpulan lain secara menyilang.
- 4.6 Pasukan yang bertanding hendaklah berada di gelanggang perlawanan sepuluh (10) minit sebelum perlawanan bermula. Kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan yang menunggu sekiranya pihak lawan tidak berada di gelanggang selepas lima (5) minit masa perlawanan yang ditetapkan.
- 4.7 Pemain yang ditimpa kecederaan semasa bermain akan diberi masa lima (5) minit untuk mendapatkan rawatan. Jika pemain tidak dapat meneruskan perlawanan, kemenangan akan diberikan kepada pihak lawan.
- 4.8 Jenis dan tahap bola yang digunakan akan ditetapkan oleh pihak penganjur pertandingan.
- 4.9 Pertandingan ini adalah tertakluk di bawah undang-undang pertandingan Persatuan Squasy Antarabangsa.

5. KIRAAN MATA

Setiap perlawanan akan dijalankan dalam tiga (3) set dengan kiraan 9 mata/set. Pemain yang menang 2 set dikira sebagai pemenang.

6. PENGADIL PERTANDINGAN

Pengadil pertandingan adalah pengadil yang dilantik oleh jawatankuasa pengelola Kejohanan Sukan NRE 2005.

7. **BANTAHAN**

Segala bantahan boleh dibuat dengan merujuk kepada **Jawatankuasa Bantahan** yang dilantik oleh pihak penganjur kejohanan ini.